



BULETIN KHAS

MAAL HIJRAH

Hijrah membentuk
kehidupan yang

HARMONI dalam
KEPELBAGAIAN

bangsa dan agama
di Madinah

Memahami
*Maksud &
Tujuan
Hijrah*

Piagam Madinah

Asas Perpaduan
Multi Etnik dan Agama

Hijrah:

Membina Nilai
Ketuhanan &
Kemanusiaan

Hikmah
Peristiwa Hijrah
dalam
Mendepani Cabaran

*Masyarakat
Majmuk*



Menangkap Tulus Ḥijrah

Oleh :

Dr. Mohamed Nazreen Shahul Hamid
Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Bahasa,
Tamadun dan Falsafah (SLCP)
Universiti Utara Malaysia



Dari Makkah ke Madinah, langkah penuh makna,
Perjalanan hijrah, suci hati nan bersih jiwa,
Membawa harapan, meniti hari baharu,
Mengukir sejarah, memahat ajaran di kalbu.

Bulan Muharam saksi bisu, langit biru menggema,
Rasulullah memimpin bersama sabar dan cinta tema
Setiap langkah di bumi, tinggalkan jejak iman,
Menuju Madinah, terbentang jalan persaudaraan.

Hijrah bukan hanya, pindah zahir,
Tapi mengubah diri, menuju ideal,
Tinggalkan keburukan, mengejar baik tiada henti,
Membentuk hati bersih,
Tenang,
Penuh bakti.

Maal Hijrah ajarkan kita,
Tiada berputus asa,
Dalam mencari cahaya,
Di tengah gelapnya dunia.

Moga Hijrah kali ini,
Lebih dari memori,
Menjadi titik pulang dalam hidup dan cerita diri,
Membawa dekat kepada llahi yang satu,
Meraih kasih-Nya, dalam hijrah yang abadi dan tulus.



Isi KADUNGAN

TAJUK	PENULIS	
• HIJRAH MEMBENTUK KEHIDUPAN YANG HARMONI DALAM KEPELBAGAIAN BANGSA DAN AGAMA DI MADINAH	Khairul Azman Azizan	01
• HIKMAH PERISTIWA HIJRAH DALAM MENDEPANI CABARAN MASYARAKAT MAJMUK	Prof. Madya Dr Shahir Akram b. Hassan	03
• PIAGAM MADINAH ASAS PERPADUAN MULTI ETNIK DAN AGAMA	Nor Dalilah bt. Zakaria	05
• TADABBUR AYAT AL-QURAN BERKAITAN HIJRAH	Dr. Mohd Zamir b. Bahall	09
• MUKJIZAT DALAM PERISTIWA HIJRAH	Suhaizam bt. Sulaiman	13
• MENELADANI PERANCANGAN, SEMANGAT DAN MINDA HIJRAH RASULULLAH SAW	Shamrifah bt. Dahalan	15
• MEMAHAMI MAKSUM DAN TUJUAN HIJRAH	Majidah bt. Mat Jusoh	19
• HIJRAH: MEMBINA NILAI KETUHANAN DAN KEMANUSIAAN	Dr. Mohd Izwan b. Md Yusof	21
• IBRAH PERISTIWA HIJRAH RASULULLAH SAW	Norzaidan b. Haji Hamad	23

Sidang REDAKSI



Penaung
Datin Paduka Hajah Hukimah binti Mohd Yusoff
(Ketua Pengarah JAKIM)



Penasihat
Dr. Haji Ruslan bin Said
(Timbalan Ketua Pengarah (Operasi))



Ketua Pengarang
Azman bin Mar Hason
(Pengarah Bahagian Penerbitan, JAKIM)



Pengarang
Khairul Azman bin Azizan



Pen. Pengarang
Nur Madiah binti Rakes Junaidi



Penyunting
Mohamed Zahir bin Abdul Halim



Pengurus Edaran
Norul Widyanirza binti Sujan@Jes



Pembantu Edaran
Husna Sababila binti Mohd Al'ikhsan



Reka Bentuk
Projekt Sdn. Bhd.



Hijrah membentuk kehidupan yang harmoni dalam kepelbagaian bangsa dan agama di Madinah

Pengbajaran Nabi Muhammad SAW ke Madinah merupakan salah satu peristiwa penting dalam sejarah Islam. Ia bukan sahaja pergerakan fizikal dari Mekah ke Madinah, tetapi juga melambangkan peralihan daripada zaman kegelapan yang penuh dengan penganiayaan di Mekah kepada penubuhan masyarakat Islam yang kuat dan harmoni di Madinah. Implikasi peristiwa hijrah ke atas penduduk Madinah yang terdiri daripada pelbagai suku kaum dan agama menjadi asas kepada pembentukan masyarakat yang harmoni. Nabi Muhammad SAW telah melaksanakan pelbagai usaha dalam membentuk ummah yang kukuh di Madinah. Dalam memastikan usaha tersebut, baginda telah merangka beberapa strategi antaranya:

Strategi Pertama:

Menyatupadukan kaum Aus dan Khazraj

Sebelum kaum Aus dan Khazraj memeluk Islam, mereka sentiasa bermusuhan dan berperang antara satu sama lain. Namun, kedatangan Rasulullah SAW ke Aqabah telah berjaya menyatukan kaum Aus dan Khazraj melalui Perjanjian Aqabah I dan II. Ini merupakan pembentukan awal masyarakat Islam di Madinah yang dilakukan menerusi dakwah Rasulullah SAW. Selepas termeterainya Perjanjian Aqabah I dan II, kaum Aus dan Khazraj menjemput Nabi Muhammad SAW ke Madinah. Penduduk Madinah menyambut baik kedatangan Rasulullah SAW dan memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Rasulullah SAW sehingga mereka digelar golongan ansar.

Strategi Kedua:

Mempersaudarakan Golongan Ansar Dan Muhajirin

Di Madinah, masyarakat Islam terdiri daripada golongan Ansar dan Muhajirin. Kaum Muhajirin merupakan golongan yang berhijrah bersama Rasulullah SAW daripada kota Mekah ke kota Madinah manakala kaum ansar adalah golongan Aus dan Khazraj yang merupakan penduduk asal Madinah. Kaum Ansar mempunyai harta dan kekayaan manakala kaum Muhajirin tidak mempunyai harta dan tempat tinggal. Walaupun wujud perbezaan di antara golongan Muhajirin dan Ansar namun Rasulullah SAW berjaya menyatupadukan kedua-dua golongan tersebut atas dasar kesatuan akidah, iaitu keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Hubungan persaudaraan Islam dapat dieratkan tanpa mengira perbezaan bangsa atau harta.

Strategi Ketiga:

Membangunkan masjid sebagai Pusat Kegiatan Dakwah

Rasulullah SAW membina dua masjid yang dijadikan sebagai pusat kegiatan dakwah di Madinah. Pertama, Baginda membina Masjid Quba' pada 8 Rabiulawal tahun pertama Hijrah. Seterusnya apabila Baginda tiba di Madinah, Masjid Nabawi pula dibina sebagai tempat ibadat dan turut dijadikan sebagai pusat pendidikan dan pentadbiran.



Strategi Keempat:**Menggubal Perlembagaan Madinah**

Di Madinah, terdapat 3 golongan iaitu golongan Ansar, Muhajirin dan Yahudi. Kaum Yahudi terdiri daripada Bani Qainuqa', Bani Nadhir, Bani Quraizah dan masyarakat Arab yang memeluk agama Yahudi. Oleh yang demikian, Nabi Muhammad SAW membentuk Perlembagaan Madinah atau Piagam Madinah untuk menguruskan pentadbiran negara yang terdiri daripada ketiga-tiga golongan tersebut. Perlembagaan Madinah dibentuk bertujuan untuk menjamin perpaduan dalam kalangan penduduk Madinah. Dalam waktu yang sama, Piagam Madinah mengiktiraf Nabi Muhammad SAW sebagai ketua negara. Piagam ini turut menjamin hak dan kebebasan orang Yahudi untuk meneruskan amalan agama mereka serta menjamin keselamatan orang bukan Islam.

Kesimpulannya, sepanjang perjalanan hidup Rasulullah SAW di Madinah, Baginda banyak berinteraksi dengan pelbagai golongan bagi membina hubungan yang baik dan positif. Hasilnya, nilai persaudaraan yang tulus ikhlas di antara masyarakat Madinah dapat diamalkan dalam kehidupan seharian. Hal ini turut diabadikan dalam al-Quran, surah al-Hasyr ayat 9-10:

وَالَّذِينَ شَيَّءُوا الْكَلَازَ وَالْأَيْمَنَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُجْبَوْنَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مَمَّا أَوْثَوْا وَيُؤْتَرُونَ عَلَىٰ
أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَاصَّةٌ وَمَنْ يُوقَنُ شَعْرَ تَقْسِيمِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Terjemahan: Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasibi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam batu mereka perasaan berbahatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih dari pada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berbajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengarubi oleh tabiat bakbilnya, maka mereka lah orang-orang yang berjaya.

وَالَّذِينَ جَاءُو مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَغْفِرْ لَنَا وَلَا إِخْرَابًا لِلَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غُلَامًا لِلَّذِينَ عَاهَدُوا رَبِّنَا

إِنَّكَ رَغُوفٌ رَّحْمٌ

Terjemahan: Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: 'Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati perusaan basad denganki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah Belas Kasihan dan Rahmat-Mu'.

Jelas di sini bahawa hijrah Rasulullah SAW menjadi satu landasan utama dalam membentuk kehidupan yang harmoni dalam kalangan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Kesejahteraan masyarakat juga sangat bergantung kepada sikap toleransi dan bantu-membantu antara satu sama lain. Justeru, umat Islam perlu menyelusuri peristiwa hijrah ini dengan mengambil panduan daripada strategi yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW dalam memastikan matlamat untuk mencapai kehidupan harmoni dalam kepelbagaian bangsa dan agama dapat direalisasikan dalam konteks kehidupan masyarakat Madani di Malaysia.

Strategi Kelima:**Melaksanakan Konsep Syura**

Melalui konsep syura, masyarakat Madinah dapat mengaplikasikan konsep persefahaman dan permufakatan serta mengelakkan perbahan pendapat. Sistem syura yang diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW dalam pemerintahan Baginda adalah bertujuan untuk menjamin keadilan dan mengelakkan kezaliman. Keadilan dalam sistem syura ini berasaskan kepada sistem perbincangan dan rundingan dalam menentukan sesuatu tindakan. Hasil perbincangan melalui persetujuan bersama dapat mewujudkan suatu keputusan yang harmoni.



Oleh : Prof. Madya Dr Shahir Akram bin Hassan

Pengarah

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),

Universiti Sains Malaysia



Hikmah Peristiwa Hijrah dalam mendepani cabaran masyarakat Majmuk

Peristiwa Hijrah adalah salah satu peristiwa paling penting dalam sejarah Islam. Ia bukan sahaja menandakan permulaan kalender Islam tetapi juga membawa pelbagai pengajaran berharga yang relevan untuk menghadapi cabaran masyarakat majmuk pada hari ini. Hijrah, perpindahan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat RA dari Mekah ke Madinah, merupakan contoh teladan dalam menguruskan perbezaan dan membina sebuah masyarakat majmuk yang harmoni. Firman Allah SWT:

فَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَأُخْرِجُوا مِن دِيْرِهِمْ وَأُوْدُوا فِي سَبِيلِي وَقُتُلُوا لَا كُفَّارٌ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَلَا دُخُلُّهُمْ

جَنَّتِ تَجْرِي مِنْ تَحْتِنَا الْأَنْهَارُ شَوَّابًا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْثَّوَابِ

Maksudnya: Maka orang-orang yang berhijrah (kerana menyelamatkan ugamanya), dan yang diusir ke luar dari tempat tinggalnya, dan juga yang disakiti (dengan berbagai-bagai gangguan) kerana menjalankan ugamaKu, dan yang berperang (untuk mempertahankan Islam), dan yang terbunuh (gugur Syabid dalam perang Sabil) - sesungguhnya Aku akan hapuskan kesalahan-kesalahan mereka, dan sesungguhnya Aku akan masukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, sebagai pahala dari sisi Allah. Dan di sisi Allah jualah pahala yang sebaik-baiknya (bagi mereka yang beramal soleh)*

(Ali-Imran: 195)

1. Konsep Hijrah: Perpindahan untuk Perubahan Positif

Hijrah melambangkan perpindahan dari keadaan yang penuh tekanan dan penindasan ke suasana yang lebih baik dan produktif. Prinsip ini boleh diaplikasikan dalam konteks moden apabila berhadapan dengan isu-isu sosial dalam masyarakat majmuk. Penghijrahan fizikal mungkin tidak selalu diperlukan, tetapi perpindahan minda dan sikap adalah kunci. Sikap terbuka terhadap perubahan dan penerimaan budaya lain dapat membantu mengurangkan ketegangan dalam masyarakat dan komuniti.

2. Keberanian dan Pengorbanan

Keberanian dan pengorbanan yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW dan para sahabat dalam peristiwa Hijrah memberikan inspirasi untuk menghadapi cabaran. Dalam masyarakat majmuk, keberanian untuk berdialog dan bersedia berkurban demi keharmonian adalah penting. Hal ini mungkin melibatkan pengorbanan ego, masa, atau sumber demi mencapai persefahaman dan kesejahteraan bersama.



3. Strategi Diplomasi dan Persaudaraan

Salah satu hikmah terbesar dalam peristiwa Hijrah adalah pembentukan Piagam Madinah, sebuah dokumen yang mengatur hubungan antara pelbagai kaum dan agama di Madinah. Piagam ini menekankan prinsip keadilan, persamaan, dan hak asasi manusia. Dengan merujuk kepada prinsip ini, masyarakat moden boleh membina dasar yang menghormati keanekaragaman dan menjamin hak setiap individu.

4. Pentingnya Kepemimpinan yang Adil

Hijrah menonjolkan pentingnya kepemimpinan yang adil dan bijaksana dalam menangani masyarakat yang beragam. Nabi Muhammad SAW menunjukkan kepemimpinan yang inklusif dan adil, menghormati semua golongan tanpa mengira latar belakang mereka. Kepemimpinan seperti ini diperlukan untuk mengatasi cabaran yang timbul dalam masyarakat majmuk, di mana ketidakadilan dan diskriminasi boleh mencetuskan konflik.

5. Pendidikan dan Kesadaran

Peristiwa Hijrah juga mengajarkan pentingnya pendidikan dan kesedaran dalam membina masyarakat yang harmoni. Penerapan nilai-nilai Islam yang murni, seperti toleransi, keadilan, dan belas kasihan, melalui pendidikan boleh membantu membentuk generasi yang lebih bertanggungjawab dan menghormati perbezaan. Pendidikan yang inklusif dan berteraskan nilai-nilai universal ini dapat menjadi alat yang efektif dalam mencegah prasangka dan meningkatkan persefahaman antara komuniti.

6. Kolaborasi dan Kesatuan

Hijrah menekankan pentingnya kolaborasi dan kesatuan antara pelbagai kelompok untuk mencapai matlamat bersama. Di Madinah, Nabi Muhammad SAW berjaya menyatukan suku-suku yang berbeza, menghapuskan permusuhan lama, dan membina masyarakat yang bersatu padu. Dalam konteks moden, kerjasama antara pelbagai pihak termasuk kerajaan, NGO, dan masyarakat umum adalah kunci untuk menangani isu-isu sosial yang kompleks dalam masyarakat majmuk.

7. Penghormutan terhadap Karamah al-Insaniyah dan Hak Asasi

Penghormatan terhadap Karamah al-Insaniyyah dan hak asasi manusia adalah satu lagi pelajaran penting dari peristiwa Hijrah. Piagam Madinah memberikan hak dan perlindungan kepada semua penduduk, tanpa mengira agama atau etnik. Prinsip ini relevan dalam menangani cabaran masyarakat majmuk hari ini, di mana penghormatan terhadap hak individu adalah asas untuk mencapai keharmonian dan keamanan.

8. Kesabaran dan Ketahanan (Resilience)

Akhirnya, Hijrah mengajar kita tentang pentingnya kesabaran dan ketahanan dalam menghadapi cabaran. Perjalanan dari Mekah ke Madinah bukanlah mudah, namun kesabaran dan ketahanan para sahabat membawa hasil yang luar biasa. Dalam konteks masyarakat majmuk, kesabaran dalam menghadapi perbezaan dan ketahanan dalam mengekalkan nilai-nilai murni adalah kunci untuk mencapai kehidupan yang harmoni. Ketahanan juga merupakan kemampuan seseorang atau sesuatu untuk pulih kembali atau bangkit setelah menghadapi kesulitan, tekanan atau perubahan.

Kesimpulan

Peristiwa Hijrah menawarkan pelbagai hikmah dan pengajaran yang relevan untuk menghadapi cabaran masyarakat majmuk pada hari ini. Dengan menerapkan prinsip-prinsip seperti perpindahan sikap, keberanian, diplomasi, kepemimpinan adil, pendidikan, kolaborasi, penghormatan terhadap karamah al-insaniyyah dan hak asasi, serta kesabaran dan ketahanan, masyarakat moden dapat membina sebuah komuniti yang harmoni dan bersatu. Hijrah bukan sekadar peristiwa sejarah, tetapi panduan abadi ke arah membina dunia yang lebih baik.



Oleh:

Nor Dalilah binti Zakaria
Pegawai Hal Ehwal Islam
Bahagian Dakwah, JAKIM



PIAGAM MADINAH

ASAS PERPADUAN MULTI ETNIK DAN AGAMA

Tahun 1446 Hijrah telah membuka tirainya dan hikmah dari peristiwa hijrah begitu luas yang mencakup berbagai aspek berharga dalam kehidupan manusia. Antaranya memberi iktibar kepada kita agar menghindarkan diri dari lingkungan yang merugikan, berani melakukan perubahan, memperteguhkan iman dan keyakinan atas segala perintah Allah SWT, kepentingan mempereratkan persaudaraan dan persefahaman dalam membangun kualiti hidup bermasyarakat bagi kesinambungan generasi berikutnya. Penuisan ini menghuraikan tentang Piagam Madinah yang merupakan perlumbaan bertulis pertama di dunia sebagai asas perpaduan kepelbagaian bangsa dan agama. Piagam Madinah turut dinamakan sebagai 'Sahifah al-Madinah' telah dimeterai pada tahun pertama hijrah Rasulullah SAW dan para sahabat ke Madinah al-Munawwarah iaitu bersamaan tahun 622M.

Kepelbagaian etnik merupakan satu bukti keagungan Allah SWT yang dapat dilihat di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Firman Allah di dalam surah al-Hujurat, ayat 13.

يَأَيُّهَا أَكْثَارُ أُمَّاتِنَا إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ ذِكْرٍ وَّأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُفَوْةً وَّفَيَانِلِ لِتَغَافِرُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفُسُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَبِيبٌ

Terjemahan: Wibai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan berdua puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semula-jumla kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwa di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).

Keharmonian masyarakat pelbagai kaum dan agama merupakan identiti unik yang dimiliki oleh Malaysia sejak kemerdekaan. Hakikatnya, kerencaman dan kepelbagaian yang wujud menimbulkan keragaman yang berbeza dan boleh menimbulkan kecelaruan dalam sesebuah negara. Usaha mengekalkan keharmonian ini sudah pastinya berhadapan dengan pelbagai cabaran terutamanya pada era ledakan teknologi maklumat dan komunikasi. Namun demikian, pendekatan yang bijaksana dan bersifat inklusif tanpa mengetepikan mana-mana kaum di Malaysia membolehkan negara ini kekal harmoni dan membangun dengan kepelbagaian yang ada.





Iktibar melalui Piagam Madinah yang telah dilaksanakan oleh Baginda Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW adalah dengan menguatkuaskan undang-undang sebagai kawalan sosial masyarakat setempat. Terdapat dua jenis kawalan sosial iaitu pertama; kawalan sosial secara langsung merupakan undang-undang yang mengikat masyarakat daripada bertindak di luar kawalan norma dan nilai yang dipersetujui bersama. Kedua; kawalan sosial tidak langsung merupakan adat dan sistem kepercayaan atau keagamaan. Kedua jenis kawalan ini merupakan aspek yang mampu mengawal, mempengaruhi dan mengikat setiap anggota masyarakatnya daripada melakukan sesuatu yang dianggap betul atau salah. Bagi sebuah masyarakat, keluarga merupakan agen kawalan sosial yang utama dalam mengawal tingkah laku ahli-ahlinya. Oleh yang demikian, kewujudan perjanjian di dalam Piagam Madinah telah menjadi asas utama dan panduan kepada umat Islam dalam membangunkan negara yang bersatu padu dan harmoni.

Baginda Rasulullah SAW berjaya memimpin kepelbagaian etnik dan agama di Madinah al-Munawwarah melalui dua aspek utama iaitu melalui pemantapan ilmu dan amal ketaatan secara berterusan dalam kalangan penduduk Islam di Madinah dan juga melalui penguatkuasaan undang-undang iaitu perjanjian Piagam Madinah.

Jika dilihat kepada perkara utama yang terkandung dalam Piagam Madinah adalah:

- 1** Nabi Muhammad SAW adalah ketua negara untuk semua penduduk Madinah dan segala pertelingkaran hendaklah merujuk kepada Baginda.
- 2** Semua penduduk Madinah ditegah bermusuhan atau menanam hasad dengan sesama sendiri, sebaliknya mereka hendaklah bersatu dalam satu bangsa iaitu bangsa Madinah.
- 3** Semua penduduk Madinah bebas mengamalkan adat istiadat upacara keagamaan masing-masing.
- 4** Semua penduduk Madinah hendaklah bekerjasama dalam membangunkan ekonomi dan mempertahankan kota Madinah dari serangan oleh musuh-musuh dari luar Madinah.
- 5** Keselamatan orang Yahudi adalah terjamin selagi mereka taat kepada perjanjian yang tercatat dalam piagam tersebut.





Sebagaimana yang telah dimaklumi, para sahabat Baginda sentiasa dibimbing ilmunya secara berterusan bersama Rasullullah SAW melalui pimpinan wahyu yang disampaikan oleh Jibril AS. Ilmu tersebut telah diperaktikkan oleh masyarakat Madinah sehingga aplikasi sifat persaudaraan yang erat, toleransi dan berkerjasama dalam kehidupan mereka dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Begitu juga masyarakat di Malaysia, perlu berusaha memantapkan ilmu naqli dan aqli secara berterusan bagi melahirkan masyarakat harmoni dan sejahtera.

Ini kerana melalui kefahaman ilmu, mampu melahirkan sifat bertanggungjawab kepada amanah yang dipikul, memupuk jiwa masyarakat untuk mentaati syariat agama dan dapat mematuhi apa juga peraturan, garis panduan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak berwajib dalam sesebuah negara. Hasilnya, keharmonian dalam sesebuah negara dapat dipertingkatkan dan mampu melahirkan masyarakat dan negara yang sejahtera.

Penulisan ini turut melihat antara persamaan yang terkandung di dalam Piagam Madinah dan Perlembagaan Malaysia adalah seperti dalam rajah di bawah :



Sumber: Muhammad Amin bin Ahmad (2020198755)

Persamaan antara Piagam Madinah dan Perlembagaan Malaysia sebagaimana di dalam rajah ini, terdapat tujuh aspek utama sebagai usaha bagi memupuk perpaduan dalam sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian etnik dan agama laitut:

1.

Pimpinan negara di bawah satu pemerintah

2.

Mengakui kewujudan dan kepentingan kaum lain

3.

Warganegara berhak mendapat perlindungan dan pertahanan hak masing-masing

4.

Dasar hubungan baik dan saling membantu

5.

Hak dan tanggungjawab bersama dalam pertahanan negara

6.

Kebebasan beragama dan hak asasi manusia

7.

Sesiapa tidak boleh dianggap bersalah sehingga didapati bersalah

¹ Muhammad Kieni Nabil Fazlina & Adiba Aishah, "Persepsi Kebangsaan Dalam Islam: Isu Islaam, Identiti Melayu," *Social Science and Humanities*, 19.2, (2021), 142-149.

² https://en.wikipedia.org/wiki/Pages_to_People:_Asia-Pages_of_ChildLabour_2018/ChildLabour_China#2018/2018.

Setiap aspek yang digariskan, barisan pimpinan bertanggungjawab memberikan ilmu, penerangan dan penjelasan yang terperinci kepada masyarakat sama ada berkait dengan sensitiviti agama, adat dan budaya agar dapat mengelakkan tidak faham dan salah faham ilmu dan maklumat tersebut. Ini menjelaskan kepada kita bahawa sebuah negara mampu memupuk perpaduan rakyat melalui pendidikan yang berterusan dan mewujudkan kawalan undang-undang. Apa juga kemudahan yang ditawarkan teknologi kini tidak akan disalahgunakan, terutamanya dalam media sosial. Kebebasan bersuara adalah bertujuan untuk memupuk keharmonian agama dan bangsa. Ini kerana rakyat yang berilmu akan memahami akibat dan kesan yang bakal diterima apabila mengganggu gugat sensitiviti masyarakat terutamanya berkaitan agama.

⁴ Elmi Belawuddin dan Zainab Jumaili, "Kecerdasan Buatan Membentuk Mammia Utggi," *Islamiyat*, 37.2, (2015), 97 - 105. <https://doi.org/10.17776/islamiyat-501-3702-01>

⁵ <https://coggle.it/diagram/YKyZFWxg7AJy9WM/t/permasalahan-sarawak-persekutuan-malaysia-pinggu-melintang>



Oleh :

Dr. Mohd Zamir Bin Bahall

Ketua Penolong Pengarah Kanan

Bahagian Penyelidikan, JAKIM



Tadabbur

Ayat Al-quran Berkaitan Hijrah

Hijrah Nabi Muhammad SAW dan episod-episod yang berlaku di dalamnya adalah ibarat sumber ilmu dan pengajaran yang tidak kunjung habis buat para pengkaji, cendekiawan dan pendakwah Islam sepanjang zaman. Ini bukanlah sesuatu yang pelik dan tidak diragukan lagi bahawa hijrah Nabi SAW adalah aspek pengalaman hidup yang praktikal dengan realiti kehidupan insan bertakwa yang sebenar. Baginda mengalami pelbagai peringkat ujian dan cabaran insani yang merangkumi kebimbangan, kesedihan dan kegembiraan sesuai dengan kehendak Allah SWT. Justeru, para fuqaha, pengkaji, pendakwah dan cendekiawan melalui renungan dan penghayatan hijrah Nabi SAW akan memenuhi apa jua matlamat dan aspirasi asal mereka hingga dizahirkan daptan tersebut dengan ketetapan undang-undang, ilmu pelajaran, prinsip-prinsip agama, amalan syariah, pertunjuk dan pedoman hidup.



Tidak syak lagi bahawa episod-episod dalam hijrah Nabi Muhammad SAW, walaupun kesemuanya sememangnya penting namun berbeza darjah kepentingan, berbeza tahap keutamaan dan berbeza neraca nilainya. Pastinya wujud perbezaan dalam menilai episod-episod ini bergantung dari sudut mana ia dinilai, bermula di mana dan apa kriteria dalam pertimbangan. Oleh itu, untuk berlaku adil dan penilaian lebih tepat maka kita tidak dapat lari daripada kembali kepada Al-Quran itu sendiri dalam menentukan turutan kepentingan kisah, insiden atau episod dalam hijrah.

Justeru, pemilihan episod tertentu dan ulasannya dalam ayat-ayat al-Quran menunjukkan sejauh mana kepentingan episod tersebut. Penyebutan al-Quran tentang episod-episod yang berlaku dalam hijrah Nabi SAW menjadi kriteria yang sah dalam menjelaskan kedudukan dan kepentingan episod-episod tersebut yang sewajarnya mesti menjadi tumpuan dan perhatian oleh generasi ummah sepanjang zaman. Ada sesetengah peristiwa disebutkan dalam al-Quran secara umum berbanding ayat yang lain, ada sebahagian daripadanya dinyatakan dengan cukup terperinci oleh al-Quran, ada episod yang al-Quran menyebut sekali sahaja manakala dalam ayat-ayat lain ia banyak disebut, ada episod diberi ulasan panjang lebar dan ada yang ringkas. Pastinya kekerapan ini menjadi neraca bahawa episode tersebut lebih diutamakan berbanding yang lain yang kurang disebutkan. Demikianlah keunikan dan keajaiban al-Quran dalam memberi penekanan agar umat Islam memahami apa yang hendak disampaikan dan ditekankan dalam peristiwa hijrah kepada mereka.

Jika kita merenung kepada penghijrahan Nabi SAW maka kita dapat bahawa al-Quran tidak terhad merujuknya sekali sahaja atau secara sepintas lalu, malahan al-Quran menyerahkannya dan memberikannya penampilan berturut-turut dalam banyak surah. Adakala disebut beberapa butiran dan faktanya, dan pada masa lain disebut siapa yang melakukannya serta dalam situasi apa mereka berada. Sememangnya al-Quran menyebut mengenai hijrah di banyak tempat, antara yang paling menonjol sebutannya dalam surah al-Baqarah ayat-218, surah Ali-Imran ayat-195, surah al-Anfal ayat-30 dan surah at-Taubah ayat-40.




Bukanlah rahsia lagi di sini bahawa banyaknya rujukan mengenai peristiwa hijrah dan perincinya dalam al-Quran mendedahkan betapa besarnya peristiwa ini dan menyedarkan kita akan impak kepentingannya yang tidak sama dengan mana-mana peristiwa yang berlaku semasa hidup Nabi SAW.

Al-Quran telah mengulas beberapa perincian peristiwa ini dan sebahagian faktanya, seperti yang terdapat dalam surah al-Anfal yang menyentuh episod terkenal iaitu strategi dan komplot jahat orang Quraisy menentang Nabi SAW dalam usaha untuk menyingkirkannya dan menghalangnya daripada menyampaikan seruan Islam. Walaupun tidak secara langsung daripada peristiwa hijrah, namun lebih kepada beberapa motif dan punca. Firman Allah SWT bermaksud, "Dan (ingatlah), ketika orang-orang kafir (Quraisy) memikirkan daya upaya terhadapmu untuk menangkap dan memenjarakanmu atau membunuhmu, atau mengusirmu. Mereka memikirkan tipu daya dan Allah menggagalkan tipu daya itu. Dan Allah sebaik-baik Pembalas tipu daya." (al-Anfal: 30).

Dalam surah at-Taubah pula, al-Quran menceritakan dengan terperinci kedudukan gua dan bagaimana kedudukan Rasulullah SAW dan sahabat Baginda Saidina Abu Bakar RA ketika orang Quraisy mengejar mereka di padang pasir sehingga mereka sampai ke pintu gua tempat mereka bersembunyi di dalamnya.

Firman Allah SWT bermaksud, "Jikalau kamu tidak menolongnya (Muhammad), maka sesungguhnya Allah telah menolongnya (iaitu) ketika orang-orang kafir (Musyrikin Mekah) mengeluarkannya (dari Mekah) sedang dia salah seorang dari dua orang ketika keduanya berada dalam gua, di waktu dia berkata kepada temannya: "Janganlah kamu berduka cita, sesungguhnya Allah berserta kita". Maka Allah menurunkan ketenangan-Nya ke atasnya dan membantunya dengan tentera yang kamu tidak melihatnya, dan menjadikan kalimah orang-orang kafir itulah yang rendah. Dan kalimat Allah itulah yang tinggi. Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana." (at-Taubah:40). Selain itu, al-Quran juga mengulas keadaan kaum muslimin yang berhijrah dan menyebutnya lebih daripada sekali dengan paparan penderitaan dan kesabaran mereka. Ini menunjukkan kepada kita bahawa peristiwa ini mempunyai nilai yang tinggi sehingga dirakamkan dengan jelas, berulang dan pelbagai situasi dalam al-Quran.

Status peristiwa hijrah di sisi al-Quran bagi sesiapa yang memperhalusi pendekatan dan metode al-Quran pastinya akan terpegun dan kagum. Lazimnya manusia telah terbiasa bahawa ayat al-Quran yang diturunkan berfungsi sebagai tafsiran terhadap sesuatu kejadian yang berlaku dan memberi hikmah pedoman di sebaliknya. Sekiranya ia menyentuh suatu kemenangan, maka dinyatakan sebab-sebab kemenangan sehingga hilang sebarang keangkuhan. Manakala jika berkenaan kekalahan, maka disebutkan pula alasan dan puncanya dengan terus terang dan jelas. Lantaran itulah maka berpanduan kaedah ini, kita dapat surah al-Anfal diturunkan selepas Perang Badar, surah al-Ahzab diturunkan selepas Khandak, surah al-Fath diturunkan selepas perjanjian Hudaibiyah, dan separuh terakhir surah Ali-Imran diturunkan selepas kekalahan Uhud.



Walau bagaimanapun, jika diteliti peristiwa hijrah dan ulasan al-Quran terhadapnya didapati tidak menggunakan kaedah ini, malahan ia berakhir tanpa ulasan secara langsung atau menyebut apa-apapun mengenainya.

Bahkan yang lebih menarik lagi, ayat al-Quran yang menyebut berkenaan sesuatu episod hijrah sama ada dinyatakan secara berulang-ulang atau ulasan, hanya berlaku selepas berlalunya masa kejadian tersebut dan bukan pada masa ia berlaku. Ayat mengenai peristiwa hijrah dalam surah al-Baqarah adalah diturunkan selepas dua tahun peristiwa hijrah berlaku. Episod hijrah diselitkan dalam ayat yang membicarakan perihal pasukan peninjau utusan Nabi SAW yang diketuai Abdullah bin Jahsy yang terlibat dalam pertempuran pada akhir bulan Rejab iaitu salah satu bulan yang diharamkan berperang. Ini sangat jelas dalam konteks ayat-ayat sebelumnya iaitu firman Allah SWT bermaksud, "Mereka bertanya kepadamu tentang berperang pada bulan Haram. Katakanlah: "Berperang dalam bulan itu adalah dosa besar; tetapi menghalangi (manusia) dari jalan Allah, kafir kepada Allah, (menghalangi masuk) Masjidil haram dan mengusir penduduknya dari sekitarnya, lebih besar (dosanya) di sisi Allah..." (al-Baqarah: 217).

Sebutan peristiwa hijrah dalam surah Ali-Imran ayat -195 adalah muncul sebagai ulasan mengenai Perang Uhud dan kejadian yang berlaku di dalamnya. Ini kerana separuh kedua daripada surah ini mengulas dan menceritakan berkaitan pertempuran tersebut. Begitu juga peristiwa hijrah yang disebut dalam surah al-Anfal ayat-30 adalah ulasan mengenai Perang Badar. Ini kerana surah al-Anfal diturunkan sebagai tindak balas terhadap peperangan tersebut. Manakala episod hijrah dalam surah at-Taubah ayat-40 adalah ayat paling terkenal dalam membicarakan perihal hijrah. Ulasannya adalah berkait rapat dengan peperangan Tabuk kerana surah at-Taubah mengulas mengenai perihal Tabuk dengan panjang lebar. Lebih menarik lagi, ayat ini diturunkan pada sembilan tahun selepas peristiwa hijrah.



Ulasan dan rujukan al-Quran yang lewat kepada peristiwa hijrah menunjukkan kehebatan dan keistimewaan peristiwa ini. Ini bermakna Allah SWT menerusi al-Quran mengangkatnya sebagai peristiwa paling unggul dan utama, sekalipun disentuh dalam pelbagai tujuan dan berbeza pendekatan. Timbul persoalan, mengapa tidak diturunkan satu surah khas yang membicarakan mengenai hijrah sebagaimana surah-surah lain yang membicarakan peristiwa sesuatu peperangan? Jawapannya, tidak dan ini tidak berlaku. Akan tetapi sesuatu yang lebih agung, besar dan amat penting pula berlaku. Seolah-olah Allah SWT telah menetapkan bahawa peristiwa hijrah itu terlalu besar untuk diulas dalam satu surah yang mana dikupas dan berakhir pembicarannya. Sebaliknya Allah SWT menetapkan bahawa ingatan tentang hijrah sepatutnya menjadi panduan, pedoman dan teladan yang perlu diambil pengajarannya sepanjang zaman, iktibar perlu dikaitkan dalam banyak perkara dan hikmah perlu berada dalam pelbagai keadaan.

Pandangan al-Quran tentang hijrah membawa isyarat bahawa ia suatu peristiwa yang mesti sentiasa diingati dan perincian episod di dalamnya mesti diingat dalam banyak kesempatan. Ia menunjukkan kepada kita betapa penting dan besarnya peristiwa hijrah ini berbanding peristiwa-peristiwa lain yang berlaku dalam sirah Nabi SAW. Lantaran itu, aspek pengajaran, hikmah dan penghayatan daripada peristiwa hijrah mesti ditanamkan pada fikiran kita setiap masa, perlu hidup dalam hati nurani sepanjang waktu, dan orang ramai perlu sentiasa diingatkan mengeninya sepanjang tahun dalam pelbagai kontaks dan situasi.

Justeru, peristiwa hijrah di sisi al-Quran adalah umpama gedung hikmah dan ia bukanlah peristiwa biasa yang diulas sekali sahaja atau disebut sempena kejadian tertentu. Sebaliknya, ia adalah peristiwa terbesar dan paling utama yang kaya dengan pengajaran dan tersirat sejumlah rahsia kekuatan. Oleh sebab itu, ia sewajarnya dirujuk dan diingati dalam setiap masa dan ketika. Mereka yang mengkaji dan mentadabur peristiwa Hijrah pastinya menyedari betapa besar peranan dan impak hijrah berbanding peristiwa lain dalam sirah Nabawi kepada survival umat Islam. Hijrah menjadi titik tolak kepada perubahan nasib kaum muslimin.

Ia umpama pencerut transformasi membentuk dan membina kekuatan umat Islam sendiri. Umat Islam mula bangun berusaha membentuk jati diri, mewarnai cara hidup beragama sebagaimana yang diinginkan seterusnya menyemai dan menanam prinsip agama dalam teras binaan negara dan tanah air mereka. Kerangka negara yang dibina bersama-sama perpaduan yang utuh antara kaum Muhibbin dan Ansar bersekali kesepakatan sosial antara kabilah dan puak, menjadi kayu ukur dan formula kepada kekuatan sebenar sebuah negara. Impak dan kesan ini hanya dapat dilihat dan dirasai melalui peristiwa hijrah dan bukan dalam peristiwa-peristiwa lain dalam sirah dan sejarah Islam.

Selain itu, peristiwa hijrah penuh dengan hikmah dan pengajaran yang tidak boleh kita abaikan. Secara keseluruhannya, ia mewakili perjuangan para rasul dan pembawa obor kebenaran. Keserasian dan penderitaan yang mereka tanggung termasuk keperluan untuk melakukan banyak pengorbanan adalah bagi menyokong mesej kebenaran yang mereka perjuangkan dan menyampaikannya kepada orang ramai. Dalam masa yang sama, rahmat, keredaan dan pertolongan Allah SWT mencucuri dan memayungi hamba-hamba-Nya yang beriman lantaran sanggup berkorban demi wahyu-Nya dan menyebarkan risalah-Nya. Hijrah memaparkan betapa Allah SWT sentiasa bersama-sama insan bertakwa pada waktu paling sukar dan getir yang hanya mampu ditempuh berbekalkan segunung kesabaran dan rahmat Allah SWT. Inilah pengajaran hebat daripada hijrah yang perlu kita hayati dalam kehidupan bahawa tiada kejayaan yang dicapai melainkan dengan usaha berterusan, kesabaran yang tinggi, pengorbanan yang tulus, perpaduan yang ampuh serta yang paling penting keizinan dan pertolongan Allah SWT. Oleh itu, episod-episod dalam peristiwa hijrah berserta fakta dan perinciannya perlu sentiasa diulang-ulang, dikaji dan dikupas tanpa henti bagi mengeluarkan khazanah pedoman terutama dalam membentuk masyarakat, membina negara dan membangunkan tamadun. Al-Quran meletakkan peristiwa hijrah pada satu tingkat yang amat tinggi sehingga diselitkannya dalam pelbagai peristiwa lain. Hijrah umpsama nadi dan pemangkin kepada kejayaan yang menyimpan pelbagai rahsia kekuatan. Al-Quran telah menyampaikan mesej bahawa semangat hijrah perlu ada dalam setiap tindak-tanduk kehidupan tanpa mengira masa, tempat dan keadaan. Kesabaran, pengorbanan dan perpaduan unggul yang dapat disaksikan menerusi peristiwa hijrah tidak akan memberi makna melainkan ia hidup dalam tindak-tanduk, minda dan sanubari kita.



Mukjizat

dalam peristiwa Hijrah

Oleh:

Suhaijam binti Sulaiman

Penolong Pengarah Kanan

Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, JAKIM



Secara umumnya sambutan Maal Hijrah di negara kita sama ada pada peringkat negeri maupun pada peringkat kebangsaan bertujuan memperingati peristiwa penghijrahan Nabi SAW dari Mekah ke Madinah. Seterusnya sambutan setiap tahun ini adalah antara usaha dan iltizam kerajaan dalam meninggikan syiar Islam agar terus terpelihara dan dimartabatkan di negara kita. Kita sebagai umat Nabi Muhammad SAW sewajarnya mengetahui dan memahami pengisahan peristiwa hijrah dengan lebih mendalam daripada apa yang berlaku agar memberi kesan keimanan yang lebih baik dalam kehidupan sehari-hari. Hijrah dari sudut bahasa adalah berpindah dari suatu tempat ke sesuatu tempat yang lain, memutuskan hubungan. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mendefinisikan hijrah bermaksud perpindahan Nabi Muhammad SAW dari Mekah ke Madinah. Dalam konteks kehidupan pada hari ini, hijrah bermaksud meninggalkan semua bentuk maksiat dan kemungkaran baik dari segi iktikad (pegangan), perasaan (hati), perkataan dan perbuatan. Menurut al-Quran hijrah mempunyai beberapa pengertian yang mana perkataan hijrah telah disebut dalam al-Quran lebih daripada 28 kali di dalam pelbagai makna dan bentuk. Walau apapun hijrah melambangkan simbol iman yang sejati dan utuh menghadapi pelbagai cubaan dan ujian demi mempertahankan akidah kepada Allah SWT dan Nabi SAW.

Mukjizat Nabi SAW

Mukjizat yang telah berlaku semasa peristiwa hijrah ialah pemuda-pemuda kaum Musyrikin yang diamanahkan untuk mengepung rumah Rasulullah SAW dan mereka tidak nampak keliatan Rasulullah SAW semasa keluar daripada rumahnya. Kaum Musyrikin quraisy telah merancang untuk membunuh Nabi SAW bagi menghalang Baginda mengembangkan dakwah Islam. Perancangan puak Musyrikin untuk membunuh Rasulullah SAW telah gagal bahkan Rasulullah SAW telah meletakkan pasir di atas kepala mereka menyebabkan mereka tidak nampak Nabi SAW keluar dari rumah. Mukjizat yang seterusnya ialah puak Musyrikin telah menjelaki Nabi SAW sehingga sampai ke Gua Thur setelah gagal membunuh Nabi SAW pada malamnya. Mereka gagal menemu Baginda berdua walaupun telah mundar mandir berusaha bersungguh-sungguh kerana telah dikaburi oleh sarang burung yang berada di depan pintu gua menyebabkan mereka tidak menyangka di dalamnya ada Nabi SAW bersama sahabatnya Abu Bakar As-Siddiq RA. Mereka telah pulang ke Mekah dengan perasaan hampa dan kecewa kerana gagal menjelaki Nabi SAW untuk ditangkap dan dibunuh.


Setelah berada selama tiga hari di dalam Gua Thur dan keadaan telah kembali reda, Nabi SAW meneruskan perjalanan bersama sahabat Baginda SAW menuju ke Madinah yang dahulu dikenali dengan nama Yathrib. Semasa dalam perjalanan ke Madinah Nabi SAW telah singgah di khemah Ummu Ma'bad untuk membeli makanan seperti tamar namun tidak ada apa-apa makanan yang boleh dibeli dan disediakan kepada Nabi SAW kecuali seekor kambing yang kurus. Nabi SAW telah meminta izin dengan Ummu Ma'bad untuk memerah susu daripada kambing yang kurus tersebut. Dengan Kuasa Allah, mukjizat Baginda SAW iaitu kambing tersebut telah mengeluarkan susu yang banyak dan boleh diminum oleh semua yang ada di situ walaupun sebelum ini kambing tersebut tidak mengeluarkan susu kerana kurus.



Seterusnya dalam perjalanan menuju ke Madinah, Nabi SAW dan Abu Bakar As-Siddiq telah dikejar oleh Suraqah bin Malik seorang penunggang kuda dan penjejak yang sangat cekap dan hebat. Beliau telah ditawarkan oleh kaum Musyrikin Mekah 100 ekor unta sebagai hadiah dengan syarat mendapatkan Nabi SAW sama ada hidup ataupun mati. Suraqah telah berjaya menjelaki Nabi SAW dan Abu Bakar As-Siddiq. Apabila mengetahui yang dirinya dalam keadaan bahaya, Nabi SAW telah berdoa kepada Allah agar diselamatkan daripada Suraqah. Allah memperkenankan doa Nabi SAW yang menyebabkan Suraqah jatuh daripada kudanya disebabkan kaki kudanya terperosok ke dalam lubang sebanyak tiga kali. Nabi SAW telah datang ke arah Suraqah lalu memberikan pertolongan walaupun Nabi SAW mengetahui niat sebenar Suraqah adalah untuk menangkap dan membunuhnya. Nabi SAW telah memaafkan Suraqah dan menjanjikan bahawa Suraqah akan dipakaikan kalung kebesaran Raja Kisra suatu hari nanti.

Pertolongan tersebut menyebabkan Suraqah teruja dengan akhlak dan sifat Nabi menyebabkan dia membatalkan niatnya untuk membunuh Nabi SAW dan sekembalinya ke Mekah beliau telah memaklumkan kepada puak Musyrikin Mekah bahawa Nabi SAW tidak ditemui di jalan-jalan yang dilaluinya.

Selepas lebih kurang 10 tahun, Suraqah telah pergi menemui Nabi SAW semasa pemerintahan Baginda SAW di Madinah dan telah memeluk Islam. Semenjak itu Suraqah sentiasa berada di barisan hadapan dan pendukung setia gerakan dakwah Islam walaupun hanya berkesempatan bersama dengan Baginda SAW selama 9 bulan sahaja. Sehingga pada zaman pemerintahan Saidina Umar Al-Khatab kerajaan Parsi telah ditakluk dan ditewaskan oleh pemerintahan Islam.



Longgokan harta rampasan perang yang melimpah ruah termasuk mahkota, gelang, pedang dan tali pinggang kebesaran Raja Kisra telah ditemui oleh khalifah Umar Al-Khatab dalam rampasan tersebut. Kemudian Saidina Umar RA telah mengenakan mahkota, gelang pedang dan tali pinggang yang merupakan lambang kebesaran Raja Kisra kepada Suraqah dengan irungan takbir. Keadaan ini menyebabkan Suraqah terdiam dan terkenang pada janji dan kebenaran ucapan yang telah disebut oleh Nabi SAW belasan tahun yang lampau. Kesemua ini adalah antara mukjizat Nabi SAW yang telah diberikan oleh Allah kepada Nabi SAW dalam peristiwa hijrah dari Mekah ke Madinah.


Penutup

Dari kisah hijrah ini, pengajaran yang boleh diambil ialah hijrah Nabi SAW merupakan titik tolak kepada perubahan sejarah umat Islam daripada berada di bawah penindasan, tekanan dan kelemahan kepada kemenangan Islam sehingga agama Islam telah tersebar ke pelusuk dunia. Oleh sebab itu, Sayyidina Umar Al-Khatab RA dan majoriti sahabat akhirnya bersetuju menjadikan Muharam sebagai bulan yang pertama dan telah menetapkan perkiraan tahun hijrah Rasulullah SAW dari Mekah ke Madinah dijadikan sebagai tahun pertama dalam takwim Islam.

Rujukan:

[www.daritaibah.com : Risalah Hijrah Rasulullah SAW Hikmah dan Pengajaran Abu Anas Madani Pensyarah KIAS](http://www.daritaibah.com/Risalah_Hijrah_Rasulullah_SAW_Hikmah_dan_Pengajaran_Abu_Anas_Madani_Pensyarah_KIAS)

<https://www.ususan.com.my/gaya/2020/08/mukjizat-hijrah-esbi-Muhammad/>
Prof Madya Dr. Khairul Anur Mohamad pensyarah USIM



Oleh :

Shamrifah Binti Dahalan

Penolong Pengarah Kanan

Bahagian Dakwah, JAKIM



Meneladani Perancangan, Semangat Dan Minja Hjijrah Rasulullah SAW

Bagi mereka yang bersungguh-sungguh menyambut tahun baru, melangkah masuk ke tahun baru itu membawa banyak erti kerana ia ibarat buku catatan baharu hidup seseorang yang akan menjalani hidup untuk tahun seterusnya. Tahun baru boleh menjadi pendorong yang cukup kuat untuk memungkinkan seseorang berusaha dengan lebih gigih dan yakin untuk mencapai apa yang dirancang untuk tahun tersebut. Berjaya atau tidak perancangan itu bergantung kepada kesungguhan yang ditunjukkan dengan berdasarkan kepada ilmu yang dimiliki dan difahami serta pengalaman yang telah dilaluinya.

Berbanding dengan sambutan Ma'al Hijrah yang saban tahun disambut oleh umat Islam seluruh dunia, sambutan tahun baru Islam ini mempunyai dorongan yang berbeza kerana ia mengambil semangat atau roh penghijrahan Baginda Rasulullah SAW dari bumi yang penuh dengan kekufuran dan kemungkaran kepada satu kehidupan yang dinaungi oleh roh keimanan dan keredaan Allah SWT. Maka dengan itu, sambutan tahun baru yang berdasarkan kepada penghijrahan insan yang mulia ini, membawa makna yang jauh lebih besar kerana ia berupaya mengubah hidup seseorang, malah berupaya juga mengubah dunia dan membentuk satu tamadun yang jauh lebih hebat daripada mana-mana tamadun yang pernah dibentuk sebelum itu.

Peristiwa hijrah Rasulullah SAW bukanlah satu peristiwa yang berlaku secara tidak sengaja. Segala-galanya telah dirancang dan disusun dengan rapi oleh Allah SWT agar kita sebagai umat yang terkemudian dapat mempelajari sesuatu daripada peristiwa yang hebat ini. Memang boleh sekiranya Allah menghijrahkan Rasul-Nya dari Mekah ke Madinah dengan mukjizat sepenuhnya. Bahkan penghijrahan Baginda Rasulullah SAW boleh dilakukan dengan cepat dan tanpa perlu bersusah payah, dan Rasulullah pun boleh sampai ke bumi Madinah dengan selesa dan selamat. Tetapi yang jelas Allah tidak mengkehendaki sedemikian. Hijrah telah ditakdirkan berlaku dalam bentuk peristiwa yang menggabungkan unsur perlindungan Ilahi dan juga ikhtiar manusia.

Demikianlah kenyataannya, sepanjang perjalanan hijrah dari mula hingga akhir, ia penuh dengan peristiwa-peristiwa yang cemas dan men-debarkan. Benar Rasulullah mendapat perlindungan Allah, tetapi Baginda juga terpaksa menempuh perjalanan yang serba pahit dan payah. Bukannya mudah untuk melepassi dari jaring-jaring maut kaum Quraisy yang berhabis-habisan memburu untuk menghapuskan Baginda. Begitu rapinya perancangan kaum Quraisy, namun perancangan hijrah Rasulullah yang diilhamkan oleh Allah jauh lebih rapi dan tersusun.

Sejak bermulanya penghijrahan dari Mekah ke Madinah, Rasulullah SAW memang sudah yakin bahawa Allah akan melindunginya. Namun, demikian Baginda tidak pernah merasa terkecuali daripada kewajipan berikhtiar merencanakan perancangan hijrah dengan sebaik-baiknya. Antara perencanaan penting yang telah diperlihatkan oleh Baginda dalam menjayakan rencana penghijrahan ini termasuklah:

1 Perancangan yang rapi dan teliti. Baginda tidak tidur di biliknya pada malam itu. Sebaliknya Baginda memerintahkan Ali ibn Abi Talib mengambil tempat tidurnya di kamar Baginda dengan tujuan untuk mengelirukan musuh yang menyangka Baginda masih berada di biliknya. Begitu juga Baginda tidak terus berangkat ke Madinah yang berada di sebelah Utara selepas keluar dari Mekah, tetapi sebaliknya Baginda menghala ke Selatan dan berhenti di Gua Thur selama tiga hari. Selepas tempoh tersebut barulah Baginda meneruskan perjalanannya ke Madinah, iaitu ketika gerakan pihak Quraisy sudah mulai mengendur.

2 Sentiasa mendapatkan maklumat terkini berkenaan pergerakan pihak musuh menerusi Abdullah ibn Abu Bakar yang telah ditugaskan untuk mengumpul maklumat di Mekah pada waktu siang dan pada malamnya melaporkan kepada Baginda di Gua Thur. Memang maklumat terkini adalah merupakan suatu yang amat bernilai sehingga kadang-kadang maklumat-maklumat penting sanggup dijual beli dengan harga yang sangat mahal. Hari ini kita dapat menyaksikan semakin canggihnya perancangan perisikan yang tujuannya tidak lain hanya untuk mendapatkan maklumat.

3 Kerahsiaan adalah satu perancangan Baginda yang sangat berkesan. Lihat saja bagaimana tidak seorang pun yang tahu termasuk teman karibnya seperti Abu Bakar RA hingga ke saat perlaksanaannya. Menjaga kerahsiaan dalam hal-hal penting dan bahaya seperti itu memang merupakan suatu keperluan yang dirancang rapi. Kebocoran maklumat-maklumat penting hingga diketahui oleh pihak musuh akan mengakibatkan muanahnya seluruh perencanaan.

4 Menggunakan sepenuhnya kepakaran yang ada walau daripada orang kafir sekalipun. Dalam peristiwa hijrah, Baginda telah mendapatkan khidmat seorang pemandu bukan Islam untuk menunjukkan jalan sulit yang tidak diketahui oleh orang ramai untuk ke Madinah. Hal ini dilakukan oleh Baginda setelah berpuas hati bahawa pemandu bukan Islam itu tidak akan mengkhianatinya.



Dari peristiwa-peristiwa yang telah berlaku nyata-alah bahawa hijrah bukan hanya satu rentetan peristiwa tidak sengaja atau kebetulan yang terjadi dalam kehidupan Baginda Rasulullah SAW. Perjalanan hijrah dengan segala liku dan simpang-siurnya itu jelas mengandungi hikmah budaya kerja yang berencana (*systematic*). Sesuatu cita-cita tidak mungkin dapat dijayakan dengan doa dan penyerahan semata-mata, tetapi harus dilaksanakan dengan perencanaan yang cukup rapi. Yang dimaksudkan dengan perencanaan atau *planning* ialah suatu aliran menentukan matlamat, menggariskan kaedah-kaedah dan tindakan-tindakan untuk mencapai matlamat tersebut. Sementara yang dimaksudkan dengan perancangan pula ialah penggabungan dan penyepaduan pelbagai sumber yang dimiliki untuk menghadapi persekitaran dengan sebaik-baiknya.

Perencanaan juga disebut sebagai jambatan antara masa kini dengan masa depan yang membawa erti persiapan masa kini untuk menghadapi apa yang akan terjadi di masa depan. Ketika Allah memerintahkan kita agar bersiap sepenuhnya untuk menghadapi musuh dengan segala rupa kekuatan sepertimana yang telah Allah firmankan dalam surah al-Anfal ayat yang ke-60. Ayat tersebut memerintahkan kita umat Islam membuat perancangan pertahanan jangka panjang dengan mengambil kira perubahan-perubahan dan kemajuan-kemajuan yang sedang berlaku dan akan berlaku dalam bidang ketenteraan dan juga teknologi persenjataan.




Lebih-lebih lagi di saat umat Islam menghadapi ancaman yang datangnya bukan sahaja dalam bidang ketenteraan, malah telah meningkat kepada ancaman-ancaman bentuk lain termasuk budaya, pendidikan dan ekonomi, maka perintah Tuhan, "...*waa'iddu lahum...*" (bersiaplah menghadapi mereka..) itu harus pula difahami dari sudut semangatnya dengan membuat perancangan-perancangan yang bernas-lagi rapi dalam bidang-bidang lain seperti ilmu, kebudayaan, pendidikan, ekonomi dan sebagainya.

Lebih jauh dari itu al-Quran juga telah menampilkan peribadi Nabi Yusuf AS sebagai tokoh mithali perancang ekonomi sebagaimana yang diterangkan kepada kita dalam surah Yusuf, ayat yang ke-47 hingga ke-49. Di dalam ayat tersebut, Nabi Yusuf AS telah menyarankan suatu perancangan ekonomi pertanian untuk jangka waktu empat belas tahun dengan membuat perimbangan di antara jumlah penghasilan, penggunaan, penyimpanan dan pelaburan semula. Dengan perencanaan bersifat melihat ke hadapan ini (*speculation*), krisis ekonomi yang dikhuatirkan akan menimpah negara dapat dihindarkan.



Dalam zaman yang penuh persaingan seperti sekarang ini, kecermerlangan dan keunggulan hanya akan dapat dicapai dengan penyuburan budaya kerja berencana dan pemikiran bernalas. Sehubungan dengan itu budaya *ad hoc* seharusnya dihindari kerana ia bukan budaya yang terpancar dari ajaran Islam.

Memang manusia hanya boleh merencana, tetapi Allah juga yang menentukan jaya atau tidaknya. Namun manusia tetap diwajibkan merencana dan melaksanakan rencananya dengan setepat-tepatnya. Rencana yang rapi tetapi tidak dilaksanakan sebagaimana sepatutnya akan berakhir dengan kegagalan. Demikianlah apa yang telah terjadi dalam Perang Uhud. Perancangannya sudah cukup rapi. Tetapi ada pasukan yang kurang berdisiplin lalu mengabaikan perlaksanaan yang telah direncanakan, maka akibatnya pasukan Islam mengalami pukulan teruk.




Demikianlah pentingnya perancangan yang rapi untuk mencapai matlamat yang kita cita-citakan. Di samping itu, seperkara yang harus diambil ingatan ialah sepanjang aliran perencanaan, mulai dari matlamat hingga kepada cara dan langkah-langkah mencapainya, harus dipastikan tidak menyimpang dari hukum dan akhlak kerana dalam ajaran agama Islam, tujuan tidak menghalalkan cara.

Seterusnya mengambil semangat hijrah Rasulullah SAW, untuk menjadi lebih baik dan membina kehidupan dekat dengan Allah SWT perlu kepada perancangan rapi. Sesungguhnya kegagalan sebenar adalah tatkala gagal untuk merancang.

Usah takut untuk berubah jika yakin perubahan itu membahagiakan. Cari jalan untuk menjadikan setiap individu bisa menyumbang sesuatu dalam penghijrahan diri mahupun organisasi kerana kemenangan Islam perlu kepada pembabitan semua walaupun individu yang belum beragama Islam.





Memahami MAKSUD DAN TUJUAN *Hijrah*

Oleh:
Majidah binti Mat Jusoh
 Penolong Pengarah Kanan,
 Bahagian Dasar Kemajuan Islam, JAKIM



Hijrah merupakan peristiwa yang signifikan dalam sejarah Islam dan memiliki pengaruh besar terhadap perkembangan agama dan umat Islam. Hijrah dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-Hijrah* (الهجرة) yang berasal daripada perkataan **هجر** yang bermaksud seseorang yang memutuskan, meninggalkan, mencegab, menghalang, atau memulaukan sesuatu (Ibn Manzur, t.th; al-Mu'tamad, 2000; Mohd Nur Hidayat et al, 2019). Kata terbitan daripada perkataan **هجر** iaitu **هاجر** dan **مهاجرة** membawa maksud "berpindah". Sehubungan itu, perkataan *al-bijrah* didefinisikan sebagai seseorang yang meninggalkan atau berpindah dari sebuah tempat ke tempat lain (al-jubari, t.th; Mohd Nur Hidayat et al, 2019) atau dari sebuah negara ke negara yang lain (al-Fayruz Abadi, 2005; Mohd Nur Hidayat et al, 2019) dengan tujuan untuk bermastautin (Abi al-Husayn Ahmad, t.th; Mohd Nur Hidayat et al, 2019).

Menurut Tafsir Ibn Katsir, "hijrah" secara harfiah merujuk kepada konsep migrasi atau perpindahan dari satu tempat ke tempat lain dengan tujuan mempertahankan atau memperbaiki iman dan keislaman seseorang. Umpamanya dalam konteks sejarah Islam, penghijrahan Rasulullah SAW bersama para sahabat dari Mekah ke Madinah untuk menghindari penindasan dan mencari lingkungan yang lebih kondusif untuk menyebarkan Islam. Namun, penghijrahan ini bukan sekadar perpindahan fizikal semata-mata tetapi juga simbolik bagi transformasi besar dalam sejarah Islam yang menjadi titik permulaan pembentukan masyarakat Islam yang mandiri dan kuat. Momen kritikal dalam sejarah Islam ini telah mengubah dinamika dakwah dan penyebaran agama Islam hingga kini.

Walau bagaimanapun, kalimah "hijrah" dalam al-Quran mahupun hadis, tidak hanya dibatasi dengan maksud berpindah secara fizikal dari satu tempat ke tempat yang lain semata-mata. Tetapi dimaknai dengan maksud yang lebih mendalam dan luas melibatkan aspek spiritual, sosial, dan politik yang mana intipatiinya turut menekankan unsur-unsur akidah, syariah dan akhlak. Perkara ini dapat dilihat dalam *Kitab Ihya' Ulumuddin* karya Imam Al-Ghazali, yang mengaitkan hijrah dengan konsep tasawuf dan pembersihan hati. Menurut beliau, hijrah adalah meninggalkan sifat-sifat buruk dan dosa-dosa menuju keadaan yang lebih bersih dan dekat dengan Allah SWT. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW: "Orang yang sebenar-benar hijrah ialah orang yang berhijrah meninggalkan apa-apa yang dilarang oleh Allah (daripada melakukannya)." (Riwayat al-Bukhari, Abu Daud dan Al-Nasaie).

Seiring dengan perubahan dan peredaran zaman, tujuan serta matlamat perhijrahan manusia turut berubah. Dalam konteks kehidupan umat Islam kini, konsep hijrah diaplikasikan untuk pelbagai aspek transformasi diri dalam usaha meninggalkan keburukan dan memperbaiki akhlak ke arah yang lebih baik demi menjadi individu yang lebih beriman dan bertakwa. Perubahan gaya hidup daripada tidak sihat kepada yang lebih sihat dan produktif juga memberi konotasi besar dalam memaknai sebuah penghijrahan.

Dalam hal ini, hijrah mengajar kita untuk sentiasa berusaha memperbaiki keadaan. Bahkan, dalam dunia yang serba moden dan semakin kompleks dengan pelbagai bentuk mehnah dan tribulasi ini, matlamat hijrah lebih berfokus kepada aspek kemajuan pendidikan dan ilmu pengetahuan. Usaha untuk meninggalkan segala bentuk kemunduran dan kemiskinan, kejahilan, ketidakadilan, dan kezaliman dengan menuju kepada kemajuan, keadilan, dan kesejahteraan adalah menjadi tujuan utama penghijrahan. Hal ini melibatkan usaha memperbaiki sistem pendidikan, ekonomi, dan politik dalam rangka mencapai masyarakat yang lebih adil dan berdaya saing. Oleh itu, matlamat hijrah boleh diasosiasikan kepada dorongan untuk terus belajar dan mencari ilmu, meninggalkan kejahilan untuk mencapai pengetahuan yang dapat memajukan diri dan masyarakat, sekaligus memberi peningkatan kualiti hidup ke arah kehidupan yang lebih baik, sama ada dari segi ekonomi, kesihatan, maupun kebahagiaan hidup. Perubahan sosial turut menginspirasikan penghijrahan daripada masyarakat yang tidak adil atau rosak kepada masyarakat yang lebih adil, harmoni, dan beretika.

Dalam dunia kini yang semakin berantakan dengan konflik yang tidak berkesudahan, apakah konsep hijrah masih relevan diterapkan bagi mencapai kesatuan ummah? Persoalan ini dijawab secara terang dalam sabda Rasulullah SAW, "Penghijrahan tidak akan terputus selagi tidak terputus taubat dan taubat tidak akan terhenti sehingga terbit matahari daripada barat." (Riwayat Abu Daud). Meskipun peristiwa penghijrahan Rasulullah SAW dari Mekah ke Madinah sudah selesai 1400 tahun yang lalu, namun prinsip hijrah tetap relevan sepanjang zaman. Imam Nawawi dalam kitabnya Riyadhus Solihin turut menjelaskan bahawa hijrah akan terus kekal relevan hingga hari kiamat, sama ada hijrah secara fizikal maupun hijrah spiritual dan rohani.

Oleh itu, dalam usaha memperkasakan kesatuan ummah, semangat hijrah dilihat dapat menjadi inspirasi untuk mencari penyelesaian yang membina dan menguntungkan masyarakat serta negara. Hal ini dapat dicapai melalui kerjasama merentasi sempadan negara dan etnik, mem-

perkuuhkan solidariti dan saling membantu dalam menghadapi krisis kemanusiaan. Hijrah juga mampu menjadi pemangkin kesatuan ummah apabila masyarakat bersatu hati dan memiliki kesatuan fikiran (wahdatul fikr) dalam meletakkan matlamat, hala tuju, sikap dan pandangan yang membentuk kesatuan tindakan (wahdatul amal) dalam menjayakan sesuatu perancangan, penyusunan strategi dan tenaga bagi mencapai sesuatu matlamat yang ditetapkan. Melalui kesatuan fikiran dan kesatuan tindakan ini, secara tidak langsung mampu mewujudkan kerjasama erat tanpa mengira agama, bangsa dan budaya serta semangat kebersamaan akan sentiasa terpupuk atas dasar solidariti dan kesefahaman.

Hakikatnya, peristiwa hijrah Rasulullah SAW dan para sahabat dari Mekah ke Madinah membuktikan bagaimana penghijrahan fizikal dan spiritual mampu menjadi pemangkin kesatuan ummah. Hal ini dibuktikan melalui perkembangan Islam yang bermula dari penghijrahan tersebut sehingga pemerintahan Islam berjaya mencapai kegemilangan pada zaman Kesultanan Uthmaniyyah yang merupakan pemerintahan terbesar dan terlama di dunia selama lebih 600 tahun (1299 – 1922) di tiga benua iaitu Eropah, Asia dan Afrika.

Kesimpulannya, hijrah merupakan konsep hidup yang kaya dengan makna dan tujuan yang melangkaui bukan sekadar perpindahan fizikal semata-mata. Ia mencerminkan semangat perjuangan dalam membina masyarakat yang berlandaskan nilai-nilai Islam, meningkatkan kemajuan dan memperluaskan keharmonian. Dalam konteks kini, hijrah menginspirasikan umat Islam untuk melakukan transformasi diri dan masyarakat ke arah yang lebih baik dan beretika. Oleh itu, memahami maksud dan tujuan hijrah membantu kita menghargai kepentingannya dalam sejarah dan kehidupan umat Islam sepanjang zaman. Yakinlah dengan janji Allah SWT dalam surah an-Nisa' ayat 100, "Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapat di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur; dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian ia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengashiani."



Oleh :

Dr. Mohd Izwan bin Md Yusof

Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, JAKIM

Hijrah: Membina nilai

Ketuhanan & Kemanusiaan

Menelusuri peristiwa Hijrah Baginda Rasulullah SAW, ianya akan memberikan kita suatu pengajaran dan pedoman yang sangat penting. Meskipun, peristiwa hijrah ini telah berlaku lebih daripada 1445 tahun yang lepas, setiap kronologi dalam peristiwa hijrah akan tetap dikenang sehingga kini.

Apakah lagi apabila kita membincarakan nilai ketuhanan dan kemanusiaan, ternyata ia dapat disingkap daripada peristiwa hijrah Baginda. Dalam membincangkan nilai ketuhanan, kita akan mendapat betapa Rasulullah SAW merupakan seorang utusan Allah yang akan mendapat pimpinan Allah pada setiap masa dan keadaan melalui wahyu-Nya. Ini bermaksud ia bukan daripada kehendak hawa nafsu Baginda, sebaliknya ia merupakan simbolik kepatuhan seorang hamba kepada Tuhan-Nya. Allah SWT menyebut di dalam surah al-Najm, ayat 3 dan 4 yang bermaksud

"Dan dia (Muhammad) tidak memperkatakan (sesuatu tentang Islam) menurut pendapat dan kemauannya sendiri. Segala yang diperkatakan itu (sama ada al-Quran atau hadis) tidak lain banyalah wahyu yang telah diwahyukan kepadanya".



Justeru, setelah mendapat arahan daripada Allah SWT untuk berhijrah dari Makkah ke Yathrib, maka Rasulullah SAW mula mengatur strategi dan pelan terbaik untuk melaksanakan apa yang telah diperintahkan. Namun begitu, Baginda tetap menggantungkan pengharapan dan tawakkalnya hanya kepada Allah SWT kerana jika dinilai dari logik akal, mustahil Baginda dapat berhijrah ke Yathrib begitu sahaja. Pastinya Baginda akan dikepung, dihalang bahkan mungkin dibunuh oleh pimpinan kafir Quraisy yang sudah mula melihat Baginda sebagai ancaman kepada mereka di Mekkah pada waktu itu. Di sini, kita mempelajari lagi nilai ketuhanan seterusnya, bahawa sehebat mana pun seorang insan, tatkala berhadapan dengan ujian, kesusahan dan halangan, maka dia akan kembali bergantung kepada Tuhan.

Selanjutnya, dalam peristiwa hijrah ini, Baginda memohon Saidina Abu Bakar As-Siddiq RA untuk meneman Baginda dalam perjalanan hijrah yang akan ditempuh. Sebagai seorang sahabat karib dan juga bapa mertua Rasulullah SAW, kasihnya Abu Bakar kepada Baginda melebihi kasih seorang sahabat dan mertua. Sebaliknya, kasihnya kepada Baginda melambangkan kasih yang sangat hebat dari seorang umat kepada kekasih dan utusan Allah, bahkan sanggup bergadai nyawa kerana Baginda. Di sini, kita mencungkil nilai kemanusiaan yang sangat tinggi yang ada pada Abu Bakar. Beliau sanggup mengutamakan Rasulullah berbanding dirinya sendiri, dan inilah nilai ukhuwah atau tali persaudaraan tertinggi di dalam Islam.

Kita juga melihat pengorbanan yang dilakukan oleh dua orang anak Saidina Abu Bakar As-Siddiq RA iaitu Abdullah dan juga Asma'. Ketika Nabi Muhammad dan Abu Bakar berhijrah, Abu Bakar meminta Abdullah untuk mendengarkan percakapan orang-orang di Mekah dan melaporkan berita itu kepada mereka di Gua Tsur setiap malam. Abdullah melaporkan bahawa kaum Quraisy telah menawarkan seratus unta kepada siapa sahaja yang berjaya menangkap Nabi Muhammad. Setiap pagi, ketika dia meninggalkan gua, pembantu Abu Bakar iaitu Amir bin Fuhayrah, akan memimpin kawan-kawan kambing melalui jalan yang sama untuk menutupi jejaknya, sekaligus memberi air susunya kepada Nabi. Dalam konteks ini, kita mempelajari suatu nilai kemanusiaan terpenting iaitu patuh kepada arahan pimpinan. Tanpanya, segala perancangan akan gagal dan terbongkar, bahkan dalam situasi ketika itu akan membahayakan nyawa Baginda dan Abu Bakar.

Seterusnya, usaha gigih Asma' binti Abu Bakar yang membawa bekalan kepada Baginda dan ayahnya juga adalah sangat terpuji. Walaupun Asma' seorang wanita, namun ia tidak membataskan sumbangannya dalam peristiwa hijrah Baginda. Ini menunjukkan nilai kemanusiaan yang agung kerana apabila seorang anak berbakti dan membantu ayahnya dan juga seorang Rasul utusan Allah, ia lambang pengorbanan yang sangat hebat. Bahkan dalam sesetengah riwayat, dikhabarkan Asma' menaiki Gua Thur tempat persembunyian Baginda dan ayahnya buat seketika waktu, dalam keadaan mengandung.

Seterusnya, apabila kita melihat hijrah yang dilakukan oleh para sahabat bersandarkan hadis berkenaan kepentingan niat, maka kita akan mendapat apabila kita mengutamakan Tuhan berbanding manusia, maka semua urusan akan dipermudahkan dan mendapat pahala. Sebaliknya, apabila kita mengqasadkan sesuatu perbuatan kebajikan bukan kerana Allah, tetapi kerana makhluk, maka termasuk segala pahala dan ganjaran untuknya. Ia disebut dengan jelas oleh Baginda Nabi SAW dalam hadis berikut yang bermaksud "Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat. Dan sesungguhnya setiap orang mengikut apa yang dia niatkan. Maka sesiapa yang hijrahnya kepada Allah dan Rasulnya, maka hijrahnya kepada Allah dan Rasulnya. Dan sesiapa yang berhijrah kerana dunia untuk dia dapatinya atau perempuan untuk dikahwininya, maka hijrahnya mengikut apa yang dia hijrah kepadanya." (Riwayat Imam Bukhari).

Kesimpulannya, peristiwa hijrah Rasulullah SAW benar-benar mengajar kita tentang nilai ketuhanan yang sangat penting, betapa Allah SWT berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Dia mampu untuk menjayakan atau menggagalkan perancangan hamba-Nya. Justeru, bertawakkal kepada-Nya setelah berusaha adalah nilai ketuhanan yang sangat penting untuk dihayati. Seterusnya, nilai kemanusiaan dalam peristiwa hijrah mengajar kita bahawa seseorang sanggup untuk menggadaikan nyawa demi seseorang yang dikasihinya. Dan ia sangat bermakna, jika kasihnya itu kepada seorang Rasul utusan Allah yang juga merupakan kekasih-Nya, Rasulullah SAW. Dan peristiwa hijrah ini akan lebih bermakna apabila kita umat Baginda di akhir zaman, menghayati dan mengamalkan setiap nilai ketuhanan dan nilai kemanusiaan dalam kehidupan kita pada hari ini agar mendapat keredaan Allah SWT.



IBRAH PERISTIWA HIJRAH

Rasulullah SAW

Oleh :
Norzaidan bin Haji Hamad
Ketua Unit Komunikasi Korporat, JAKIM



Peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW adalah satu peristiwa yang signifikan dalam sejarah Islam. Ia adalah titik permulaan kepada pengembangan Islam ke seluruh pelusuk dunia. Madinah Al-Munawwarah menjadi kota pampangan kepada gerakan dakwah Nabi SAW yang lebih meluas. Sirah telab mencatatkan bahawa Rasulullah SAW telah berdakwah selama dua puluh tiga tahun iaitu 13 tahun di Mekah dan 10 tahun di Madinah. Ketika berada di kemuncak dakwah Nabi SAW di Mekah, Allah SWT telah memerintahkan Nabi SAW untuk berbijrab ke Madinah. Nabi SAW menerima perintah Allah SWT ini dengan berlapang dada dan bati yang penuh ikhlas kepada Allah SWT.

Ketika penghijrahan ini, Rasulullah SAW bersama Sayidina Abu Bakar as-Siddiq telah melalui sebuah perjalanan yang sangat mencabar dan penuh dengan halangan. Namun berkat usaha yang gigih dan penuh kesabaran, Baginda Rasulullah SAW dan Sayidina Abu Bakar as-Siddiq akhirnya telah berjaya sampai ke bumi Yathrib (Madinah) dengan izin Allah SWT dan Baginda SAW seterusnya melaksanakan dakwah yang berterusan sehingga Baginda berjaya membentuk sebuah negara Islam yang kukuh dan utuh di bumi Madinah. Justeru itu, yang penting umat Islam perlu sentiasa menyelusuri sirah Nabi SAW dan mengambil ibrah atau pengajaran dari peristiwa hijrah Nabi SAW agar ia dapat menjadi pedoman dalam memacu hidup kita ke jalan yang direhdhai Illahi.

Langkah seterusnya Nabi SAW telah mempersaudarkan umat Islam dalam kalangan Muhajirin dan Ansar. Menurut Sheikh Muhammad Al-Ghazali, persaudaraan ini adalah bagi mencairkan asabiah jahiliyyah hingga yang tinggal hanya ruh Islam sahaja supaya segala perbezaan keturunan, warna kulit dan kedaerahannya semua dihancurkan dan yang tinggal hanya Islam, tiada suatu pun yang boleh membanggakan seseorang atau merendahkannya kecuali dengan ketakwaan sahaja.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud:

"Seunggubnya orang yang paling mulia di antara kamu ialah Allah ialah orang yang paling takwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal."

Manifestasi dari peristiwa hijrah Nabi SAW ini adalah amat relevan kepada realiti kehidupan ummah pada hari ini. Ia amat penting untuk kitajadikan panduan dan pengajaran dalam meniti kehidupan di negara ini yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, bangsa dan agama. Yang penting kita semua perlu mengekalkan perbezaan ini sebaliknya terus berusaha mengekalkan perpaduan dan kesatuan di bawah payung Gagasan Malaysia dan merangka strategi kehidupan yang harmoni agar kita dapat mencapai kejayaan (al-Falah) yang hakiki secara bersama selari dengan tema sambutan Maal Hijrah pada tahun ini iaitu:

“Al-Falah Pemacu Malaysia Madani”

Sebagai kesimpulan, ibrah peristiwa hijrah Nabi SAW adalah untuk menanam sikap bersungguh-sungguh dalam melaksanakan serta mencapai sesuatu objektif dan visi dalam kehidupan kita. Semoga sambutan Maal Hijrah pada tahun ini akan mampu membina momentum kukuh dalam diri masyarakat di negara ini dan membuat penghijrahan diri daripada segala sifat negatif kepada sifat-sifat yang positif. Kita perlu menjauhkan diri daripada sikap malas, lesu dan berfikiran tertutup dalam mengharungi pelbagai cabaran kehidupan serta ujian yang datang daripada Allah SWT dan meletakkan keyakinan dan kepercayaan sepenuhnya kepada Allah SWT, Tuhan Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang.



BUKU BAHARU TERBITAN JAKIM 2024


JOM KENALI BUKU TERBITAN JAKIM



Untangling Khunuthah Condition An Approach from Islamic Biomedical Ethics

Penulis: Dr. Taqwa binti Zabidi


This book explores the dynamic Islamic perspectives on resolving biomedical issues for individuals with khunuthah. It starts with a lexicological study of khunuthah, followed by a biological perspective, setting the stage for managing Muslim patients with khunuthah. It concludes with juristic rulings on khunuthah for cases where gender reassignment isn't feasible, addressing individuals with non-binary genders.




Ibrah Surah al-Kahfi & Ibrah Surah Yusuf

Penulis: Prof. Dr. Makmor Tumin & Dato' Prof. Zulkifli Mohd Yusoff

Surah al-Kahfi merupakan surah yang banyak menceritakan tentang ujian kehidupan daripada sudut wang ringgit, harta, kepintaran, kekuasaan dan akidah. Penulisan buku ini disampaikan dengan kaedah yang lebih bersahaja atau santai bagi melancarkan penyebaran mesej yang ada dalam ayat-ayat Surah al-Kahfi ini.



Buku Ibrah Surah Yusuf ini ditulis bagi membincangkan peringatan Allah SWT yang menghendaki hamba-Nya mengetahui kisah nabi-nabi terdahulu sebagaimana yang ada di dalam al-Quran kerana penuh dengan pedoman baik dari segi akidah, hukum-hakam, dan ibadah.



Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia

Penulis: Dr. Mohd Aizam bin Mas'od

Terjemahan ke tulisan braille diuruskan oleh Seksyen Penerbitan Pelbagai Cawangan Pengurusan Penerbitan, Bahagian Penerbitan JAKIM


Buku ini memberi kupasan yang komprehensif mengenai isu-isu semasa aqidah merangkumi isu-isu Islam dalam perlombagaan, ajaran sesat, Islam liberal, pluralisme agama, bid'ah, antimazhab, mistisisme, khurafat dan fatwa aqidah semasa. Semoga informasi yang dipaparkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pembaca, khususnya masyarakat Islam.

Ayat-Ayat Larangan

Penulis: Panel Penulis JAKIM

Terjemahan ke tulisan braille diuruskan oleh Seksyen Penerbitan Pelbagai Cawangan Pengurusan Penerbitan, Bahagian Penerbitan JAKIM

Buku ini disusun dengan mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan sesuatu larangan atau tegahan yang kemudiannya dikategorikan menjadi 18 bab. Buku ini amat berguna kepada para pendakwah, pengkaji, kaunselor, penceramah, pendidik, khatib, ketua masyarakat, ibu bapa dan pelajar.





Promosi Sejuta Al-Quran

RM38/SENASKAH



BANK ISLAM

16018010019680

Yayasan Waqaf Malaysia

Sebanyak 5% atau apa-apa jumlah % daripada sumbangan adalah caj pengurusan kepada YWM seperti dipersetujui oleh Jawatkuasa Syariah YWM

Bagi mendapatkan resit rasmi, sila hantar slip sumbangan ke alamat emel:
info@ywm.gov.my / WhatsApp: 019-2007481



Yayasan Waqaf Malaysia
www.ywm.gov.my

PELUANG BERIBADAH MELALUI KEMPEN SOLIDARITI SEJUTA AL-QURAN

Firman Allah SWT melalui surah Ali Imran, ayat-2 yang bermaksud:

"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (bakikat) kebaikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya."

- Kempen ini adalah suatu inisiatif mengajak orang ramai untuk mewakafkan nilai berjumlah RM38.00 bagi sepesekhah al-Quran sebagai tindak buas penulih hikmah Kerajaan terhadap tragedi pembakaran al-Quran di Swedia.
- Inisiatif ini adalah selari dengan perintah YAB Perdana Menteri untuk mencetak sejuta sepesekhah al-Quran bertujuan diedarkan ke seluruh dunia.
- Jadi kita sama-sama berwakaf! Jangan lepaskan peluang anda untuk beroleh & menyebarkan manfaat kebaikan melalui kempen ini seluruhnya ke seluruh dunia. Berzikirlah!